



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK



KENYATAAN TAWARAN (PELAN CADANGAN PEMBANGUNAN)

Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHHP) mempelawa Pencadang/ Syarikat/ Pertubuhan yang berkeelayakan untuk mengemukakan pelan cadangan pembangunan bagi projek berikut:

No. Rujukan Tender	Tajuk Projek	Tarikh dan Waktu Berkumpul Untuk Taklimat	Tarikh Dokumen RFP Dijual	Harga Dokumen RFP Senaskhah	Tarikh dan Waktu Tutup Tawaran
7/2025	Cadangan Secara <i>Request For Proposal</i> (RFP) Bagi Pembangunan Skim Perumahan Perakku Secara Usahasama Di Atas Tanah LPHHP PT4749 seluas lebih kurang 23.2 ekar Di Wilayah Selama, Mukim Selama, Daerah Selama, Perak Darul Ridzuan.	2 September 2025 (Selasa) 10.00 pagi	3 September 2025 (Rabu) hingga 17 September 2025 (Rabu)	RM1,000.00	17 Oktober 2025 (Jumaat) 12.00 tengah hari
8/2025	Cadangan Secara <i>Request For Proposal</i> (RFP) Bagi Pembangunan Skim Perumahan Perakku Secara Usahasama Di Atas Tanah LPHHP PT56114 seluas lebih kurang 22.94 ekar Di Wilayah Jalan Tronoh Mines, Mukim Kampar, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan.	2 September 2025 (Selasa) 10.00 pagi	3 September 2025 (Rabu) hingga 17 September 2025 (Rabu)	RM1,000.00	17 Oktober 2025 (Jumaat) 12.00 tengah hari
9/2025	Cadangan Secara <i>Request For Proposal</i> (RFP) Bagi Pembangunan Skim Perumahan Perakku Secara Usahasama Di Atas Tanah LPHHP PT5392 seluas lebih kurang 6.139 ekar Di Wilayah Jalan Tasek-Selarong, Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan.	2 September 2025 (Selasa) 10.00 pagi	3 September 2025 (Rabu) hingga 17 September 2025 (Rabu)	RM1,000.00	17 Oktober 2025 (Jumaat) 12.00 tengah hari

No. Rujukan Tender	Tajuk Projek	Tarikh dan Waktu Berkumpul Untuk Taklimat	Tarikh Dokumen RFP Dijual	Harga Dokumen RFP Senaskhah	Tarikh dan Waktu Tutup Tawaran
10/2025	Cadangan Secara <i>Request For Proposal</i> (RFP) Bagi Pembangunan Skim Perumahan Perakku Secara Usahasama Di Atas Tanah LPHP PT24719-PT24827 seluas lebih kurang 9.02 ekar Di Wilayah Changkat Jong, Mukim Changkat Jong, Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan.	2 September 2025 (Selasa) 10.00 pagi	3 September 2025 (Rabu) hingga 17 September 2025 (Rabu)	RM1,000.00	17 Oktober 2025 (Jumaat) 12.00 tengah hari

Tempat berkumpul untuk taklimat adalah di **Pejabat LPHP, No. 16 dan 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak.**

Dokumen meja RFP boleh disemak dan dokumen RFP boleh dibeli di Pejabat LPHP, No. 16 dan 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak pada hari bekerja seperti **tarikh jualan yang dinyatakan mulai jam** seperti berikut:

- i. Jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang (Isnin hingga Khamis)
- ii. Jam 9.00 pagi hingga 12.15 tengahari dan 2.45 petang hingga 4.30 petang (Jumaat)

Syarat untuk menyertai tender adalah seperti berikut:

- (a) Syarikat mesti berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan Pertubuhan mesti berdaftar dengan **Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)** serta dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
- (b) Pencadang/ Syarikat/ Pertubuhan **diwajibkan menghadiri taklimat** sebelum membeli dokumen *Request for Proposal* (RFP) dan dikehendaki membawa perakuan/ sijil pendaftaran **asal** Syarikat/ Pertubuhan beserta **satu (1) salinan sijil** tersebut untuk simpanan LPHP.
- (c) Hanya **penama yang tercatat dalam perakuan/ sijil pendaftaran Syarikat/ Pertubuhan dibenarkan menghadiri taklimat.** LPHP tidak mengenakan apa-apa caj untuk menghadiri taklimat tender.
- (d) Sekiranya petender berhasrat untuk membeli dokumen tender, bayaran bagi dokumen RFP sebanyak **RM1,000.00** senaskhah hendaklah dibuat dalam bentuk **deraf bank/ kiriman wang/ wang pos** atas nama **Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak.**
- (e) Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada wakil Syarikat/ Pertubuhan yang sah sahaja. Wakil Syarikat/ Pertubuhan dikehendaki membawa perakuan/ sijil pendaftaran **asal** Syarikat/ Pertubuhan atau surat wakil kuasa untuk tujuan pembelian dokumen RFP.
- (f) Dokumen RFP dan tawaran cadangan pembangunan yang lengkap dan sedia untuk dihantar hendaklah dikumpulkan dalam satu sampul surat berlakri dan ditulis tajuk projek serta dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Pejabat LPHP, No. 16 dan 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak.**